



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Jaringan Persahabatan Merentasi Sempadan

**Nilai Teras:** Bertanggungjawab

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.14 Membaca ayat 103 surah ali-Imran dengan betul, lancar serta bertajwid dan merumus kefahaman ayat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

**SP:** 1.14.5 Menerangkan cara mengukuhkan persaudaraan.  
1.14.6 Menerangkan hikmah persaudaraan dalam Islam.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menerangkan kepentingan memilih rakan merentasi sempadan dengan bijak.
2. Membuat keputusan yang bijak dalam memilih rakan.
3. Menghargai jalinan persahabatan dan perhubungan dengan rakan.

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberikan topik bertajuk cara mengukuhkan persaudaraan dari aspek perbuatan (pemilihan kawan).
3. Murid berbincang dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
4. Ketua kumpulan membuat persembahan dalam bentuk *power point* di hadapan kelas.
5. Guru menyemak ketepatan fakta yang dibentangkan oleh murid.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang kepentingan persaudaraan dalam Islam.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang tugas yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugas di hadapan kelas.

### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberikan topik bertajuk cara mengukuhkan persaudaraan dengan orang bukan Islam.
3. Murid berbincang dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
4. Setiap murid diminta menulis catatan di atas sekeping kad dan menampalnya di atas kertas sebak mengikut giliran.
5. Kemudian, kertas sebak tersebut ditampal di papan kenyataan sudut Pendidikan Islam selepas kelas.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Hentikan Keganasan

**Nilai Teras:** Kasih sayang

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.17 Membaca ayat 29 surah an-Nisa' dengan betul, lancar serta bertajwid dan merumus kefahaman ayat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

**SP:** 1.17.3 Menyatakan kepentingan memelihara dan menghargai harta serta nyawa.  
1.17.4 Menjelaskan larangan mengambil dan menggunakan harta secara batil.  
1.17.5 Menjelaskan larangan membinasakan diri dan orang lain.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menyenaraikan peraturan dan undang-undang untuk mengurangkan kemusnahan akibat konflik bersenjata.
2. Menerangkan pengetahuan tentang keamanan sejagat.
3. Menghuraikan kebaikan menjalinkan hubungan yang baik antara negara.

## Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
  - Kumpulan 1: Maksud harta dan nyawa sebagai amanah.
  - Kumpulan 2: Peraturan dan undang-undang untuk mengurangkan kemusnahan harta dan nyawa.
  - Kumpulan 3: Larangan mengambil dan menggunakan harta secara batil untuk keamanan sejagat.
  - Kumpulan 4: Larangan membinasakan diri dan orang lain untuk menjalinkan hubungan yang baik.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan menyediakan bahan dan membuat pembentangan di hadapan kelas.
3. Guru menilai hasil pembentangan murid.

## Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang kepentingan memelihara dan menghargai harta dan nyawa.
3. Murid membuat sumbang saran dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Malaysia Benci Rasuah

**Nilai Teras:** Bertanggungjawab

**Masa:** 1 jam

**SK:** 2.4 Mungkar Dicegah Hidup Berkat

**SP:** 2.4.5 Menjelaskan cara menangani kemungkaran dengan tangan, lidah dan hati secara berhikmah.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan cara menjaga diri dan masyarakat dari kemungkaran seperti rasuah.
2. Mengekspresikan perasaan apabila dapat menolak perlakuan mungkar seperti rasuah.
3. Mempraktikkan amalan mulia untuk lebih bijak menangani perbuatan mungkar seperti rasuah dalam masyarakat.

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
  - Kumpulan 1: Maksud rasuah sebagai suatu kemungkaran.
  - Kumpulan 2: Cara menjaga diri daripada terjebak dengan kemungkaran seperti rasuah.
  - Kumpulan 3: Cara menjaga masyarakat daripada melakukan kemungkaran seperti rasuah.
  - Kumpulan 4: Cara menangani kemungkaran dengan tangan, lidah dan hati secara berhikmah.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan menyediakan bahan pembentangan menggunakan kertas sebak atau kertas A4.
3. Guru menilai hasil pembentangan murid.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru meminta dua buah kumpulan mencipta pantun nasihat tentang cara menghindari gejala rasuah dan dua buah kumpulan lagi mencipta sajak tentang akibat mengambil rasuah dalam kehidupan.
3. Murid akan membuat persembahan mendeklamasikan pantun dan sajak selepas selesai berbincang dalam kumpulan.

### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberi pelbagai bahan seperti majalah, surat khabar, bahan dari Internet dan gambar kepada setiap kumpulan.
3. Murid diberi contoh buku skrap yang akan dihasilkan.
4. Guru mengarahkan murid untuk menghasilkan buku skrap tentang isu rasuah yang berlaku di Malaysia.

**Refleksi:** *(Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)*



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Bahaya Penyalahgunaan Bahan Terlarang

**Nilai Teras:** Hormat menghormati

**Masa:** 1 jam

**SK:** 2.4 Mungkar Dicegah Hidup Berkat

**SP:** 2.4.5 Menjelaskan cara menangani kemungkaran dengan tangan, lidah dan hati secara berhikmah.

2.4.6 Menerangkan hikmah menangani kemungkaran

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menyatakan akibat penggunaan bahan terlarang.
2. Menjelaskan tindakan yang wajar dilakukan untuk menangani isu dan masalah sosial yang berkaitan dengan penggunaan bahan terlarang.

## Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
  - Kumpulan 1: Maksud penggunaan bahan terlarang sebagai suatu kemungkaran.
  - Kumpulan 2: Akibat penggunaan bahan terlarang.
  - Kumpulan 3: Tindakan yang wajar dilakukan untuk menangani isu dan masalah sosial yang berkaitan dengan penggunaan bahan terlarang.
  - Kumpulan 4: Cara menolak untuk terlibat dengan penggunaan bahan terlarang.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan menyediakan bahan pembentangan untuk dibentangkan di hadapan kelas.
3. Guru menilai hasil pembentangan murid.

## Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang topik cara menghindari diri daripada terlibat dengan penggunaan bahan terlarang.
3. Murid membuat sumbang saran dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

**Refleksi:** *(Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)*



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Warganegara Cemerlang

**Nilai Teras:** Kegembiraan

**Masa:** 1 jam

**SK:** 6.5 Merumus sifat malu dan mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

**SP:** 6.5.1 Menyatakan maksud malu.  
6.5.4 Menjelaskan sifat malu yang dituntut dan dilarang berserta contoh.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menghuraikan ciri-ciri warganegara yang cemerlang.
2. Menjelaskan usaha untuk melengkapkan diri menjadi warganegara yang cemerlang bagi mewarisi negara.
3. Mengamalkan ciri-ciri warganegara yang cemerlang.

## Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
  - Kumpulan 1: Maksud malu sebagai suatu ciri warganegara yang cemerlang.
  - Kumpulan 2: Sifat malu yang dituntut sebagai usaha melengkapkan diri menjadi warganegara yang cemerlang.
  - Kumpulan 3: Sifat malu yang dilarang sebagai usaha melengkapkan diri menjadi warganegara yang cemerlang.
2. Murid berbincang dan melakarkan fakta dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.
5. Guru menilai hasil pembentangan murid.

## Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru menyediakan dialog kepada kumpulan murid yang dipilih.
2. Murid diberikan masa selama lima minit untuk berlatih.
3. Murid akan membuat persembahan sketsa yang bertajuk "Sifat malu yang dituntut dalam Islam".
4. Guru dan murid akan membincangkan sketsa tersebut bersama-sama.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Hak dalam Keluarga

**Nilai Teras:** Hormat menghormati

**Masa:** 1 jam

**SK:** 6.7 Merumuskan adab kepada ibu bapa dan keluarga dan mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

**SP:** 6.7.2 Menjelaskan cara beradab dengan ibu bapa dan keluarga dari aspek percakapan dan tingkah laku.

6.7.3 Menerangkan kepentingan beradab dengan ibu bapa dan keluarga.

6.7.4 Menerangkan punca penderhakaan kepada ibu bapa.

6.7.5 Menerangkan akibat tidak beradab kepada ibu bapa dan keluarga.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan cara menghormati ahli keluarga.
2. Menghuraikan kepentingan menghormati dan dihormati sesama ahli keluarga.
3. Menyatakan kesan amalan menghormati dan dihormati sesama ahli keluarga.
4. Mempraktikkan amalan menghormati dan dihormati sesama ahli keluarga.

## Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
  - Kumpulan 1: Cara menghormati ahli keluarga melalui percakapan.
  - Kumpulan 2: Cara menghormati ahli keluarga melalui tingkah laku.
  - Kumpulan 3: Kepentingan menghormati dan dihormati sesama ahli keluarga.
  - Kumpulan 4: Kesan amalan menghormati dan dihormati sesama ahli keluarga.
2. Murid berbincang dan melakarkan maklumat dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

## Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang punca penderhakaan kepada ibu bapa.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

**Refleksi:** *(Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)*



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

## Tajuk: Toleransi dan Perpaduan

**Nilai Teras:** Hormat menghormati

**Masa:** 1 jam

**SK:** 6.8 Merumuskan adab berjiran dan mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.

**SP:** 6.8.4 Menjelaskan hak dan kewajipan seorang Muslim terhadap jiran.

6.8.5 Menerangkan hikmah mengamalkan adab berjiran dalam kehidupan.

**Objektif:**

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan kepentingan toleransi bagi membentuk perpaduan nasional.
2. Mengekspresikan perasaan apabila bersikap toleransi.
3. Menunjukkan semangat perpaduan.

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru memaparkan tayangan video berkaitan dengan adab berjiran.
2. Murid dikehendaki membuat catatan berkaitan dengan adab berjiran melalui video yang ditayangkan.
3. Kemudian, di akhir kelas guru memilih secara rawak beberapa orang murid untuk membentangkan di hadapan kelas tentang nilai murni yang mereka dapat daripada video tersebut.
4. Guru menilai pembentangan murid.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru meletakkan keratan isi penting tentang kewajipan berjiran yang perlu diamalkan dalam kehidupan harian berserta lembaran peta minda.
2. Murid dikehendaki memilih keratan yang betul dan sesuai dengan peta minda yang diberi.

### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk tertentu:
  - Kumpulan 1: Hak dan kewajipan terhadap jiran Muslim dan kerabat.
  - Kumpulan 2: Hak dan kewajipan terhadap jiran Muslim yang bukan kerabat.
  - Kumpulan 3: Hak dan kewajipan terhadap jiran bukan Islam.
  - Kumpulan 4: Hikmah mengamalkan adab berjiran dalam kehidupan.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan menyediakan bahan pembentangan.
3. Murid melakukan pembentangan dan guru menilai hasil kerja murid.

**Refleksi:** *(Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)*